

# Muafakat ummah elak kehancuran negara: PM

Islam Hadhari semai kesederhanaan berkesan wujud keamanan

Oleh Fazli Abdullah dan Faiza Zainudin

**B**ALIK PULAU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan umat Islam sentiasa memelihara persaudaraan dengan mengukuhkan permuafakatan bagi mengelakkan perselisihan yang boleh menghancurkan negara.

Perdana Menteri berkata, permuafakatan dan kerjasama amat penting kerana semua umat Islam adalah bersaudara dan berpegang kuat kepada ajaran agama, walaupun berlainan fahaman.

“Tanpa kerjasama kita tidak maju dan berkembang. Jadi kita kena muafakat kerana masing-masing tidak boleh hidup seorang diri.

“Dalam Islam, perpaduan amat penting kerana seluruh umatnya di-

anggap bersaudara,” katanya dalam ucapan ringkas selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Mukhtar di sini, semalam.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri bersama pemimpin Umno negeri termasuk Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah menyertai kira-kira 1,000 orang pada majlis jamuan rakyat di pekarangan masjid.

Turut hadir Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang juga Ketua Umno Bahagian Balik Pulau.

Terdahulu, Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang mempengerusikan mesyuarat Umno negeri, di Kompleks Sukan, di sini.

Perdana Menteri berkata, Allah-

yarham datuknya, Abdullah Fahim pernah berpesan bahawa Melayu itu agamanya Islam dan mengikut Mazhab Imam Shafie.

“Ketika ini, kita mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan sebenarnya kedua-duanya tiada beza kerana agama dan amalannya sama. Oleh itu, kita mesti berpegang kuat kepada agama.

Seseorang itu tiada perbezaan, baik agama dan amalannya, semuanya sama, yang kita usahakan selama ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan antara kita,” katanya.

Abdullah turut memberi contoh negara lain seperti Ghana yang berlaku pergaduhan antara agama sehingga masyarakat dunia mengangap Islam sebagai agama yang ganas dan melampau.

Katanya, walaupun negara itu merdeka lima bulan lebih awal da-

ripada Malaysia, negara ini lebih maju tiga empat kali ganda daripada negara berkenaan.

“Bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, dalam ucapannya di Kuala Lumpur malam tadi (kemarin) berkata, di negaranya (Ghana) sering berlaku pergaduhan antara agama,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memperkenalkan Islam Hadhari yang semua aspek berteraskan kepada kesederhanaan, termasuk prinsip pembangunan ummah yang menanamkan aspek kecintaan keamanan dan kedamaian.

“Kita tidak mahu pergaduhan, kita mahu menuju zaman kecemerlangan dan menerusi pendekatan ini, kita dapat bangun negara dengan aman,” katanya.

BH - 14/7/2007